



SIARAN MEDIA

PLANETARIUM NEGARA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

PEMENANG PROJEK TELESCOPE FOR ALL 2021 PERINGKAT ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 16 JULAI 2021 – Planetarium Negara hari ini mengumumkan Malaysia tersenarai sebagai pemenang projek *Telescope for All 2021* dari 12 buah teleskop yang disediakan melalui projek jangkauan global *International Astronomical Union (IAU)*. Penerima sebuah teleskop jenis pembias Bresser 90/1200 ini ialah **Encik Vadivelan A/L Sinnasamy**, guru sains dari **Sek Jenis Kebangsaan (Tamil) Jugra, Kuala Langat, Selangor**.

En Vadivelan telah berjaya memberi perhatian kepada dunia melalui karangan beliau untuk membuka peluang kepada *underserve community* memiliki sebuah teleskop bagi menarik minat pelajar terhadap astronomi seterusnya mengkaji bintang-bintang dan objek angkasa lepas.

Teleskop yang bakal diterima oleh En Vadivelan yang disumbangkan oleh BRESSER dilengkapi dengan sebuah kamera digital, *eyepieces and solar foil*. Beliau boleh merakam imej-imej yang dicerap menggunakan kamera digital dan berkongsi dengan komuniti secara atas talian sepanjang tempoh pandemik. Teleskop ini juga boleh digunakan untuk mencerap bulan, planet-planet utama dan satelitnya yang ada dalam sistem suria. Selain dari itu, teleskop ini juga boleh mencerap nebula angkasa (Mesier Object) yang terang seperti Orion Nebula, globular clusters dan bintang binari (binary stars).

Projek *Telescope for All 2021* peringkat antarabangsa dilancarkan serentak seluruh dunia dengan diterajui oleh *International Astronomical Union (IAU)*, *Office of Astronomy Outreach (OAO)* dengan kerjasama *Stars Shine for Everyone (SSVI)*, *Leiden University/Universe Awareness (UNAWA)*, *National Astronomical Observatory of Japan (NAOJ)* dan BRESSER.

Planetarium Negara sebagai National Outreach Coordinator (NOC) bagi pihak Malaysia dengan kerjasama Pusat STEM Negara dan *Universe Awareness Malaysia* telah melancarkan projek *Telescope for All 2021* peringkat Kebangsaan bermula pada 3 hingga 24 Mei 2021 secara maya. Program ini bertujuan untuk memupuk dan memperluaskan minat rakyat Malaysia dalam bidang sains angkasa, disamping mempromosikan peluang yang sama rata untuk melanjutkan kerjaya dalam bidang sains angkasa. Sebanyak 172 penyertaan telah diterima dan dari jumlah tersebut, hanya 38 penyertaan telah disenarai pendek untuk penjurian di peringkat antarabangsa. Kriteria proposal yang dipertandingkan perlu mengandungi kreativiti yang tinggi, impak yang berkesan kepada masyarakat, komuniti terpilih (*underserved community*) dan perlulah mempunyai kelestarian (*sustainability*) untuk kesinambungan projek.

Senarai 12 proposal terbaik **program Telescope for All** yang berjaya menerima sebuah teleskop adalah seperti di bawah:

1. Telescopes for All in Afghanistan, Kayhana Astronomical Group, Afghanistan
2. Telescopes for All in Botswana, Machana Satellite School, Botswana
3. Tomorrow's Stars (Astros do Amanhã), Leva Ciência Institute (Instituto Nacional Leva Ciência - INALC), Brazil
4. Telescopes for All in Ghana, Tetteh-Ocloo School for the Deaf, Ghana
5. Namma Telescope, Open Space Foundation (OSF), India
6. Telescopes for All in Iraq, Freelance, Al-Muthanna University (Lecturer), Iraq
7. Telescopes for All in Jordan, Jordanian Astronomical Society (JAS), Jordan
- 8. Telescopes for All in Malaysia, SJKT JUGRA School, Malaysia**
9. Telescopes for All in Mauritius, Hindu Girls' College Astronomy Club, Mauritius
10. Evening Meetings With Astronomy, Grupa Edukacji Astronomicznej na Czarnej Hucie (The Black Ironworks Astronomical Education Group), Poland
11. Telescopes for All in Samoa, Tiapapata Art Centre, Samoa

12. Telescopes for All in Timor Leste, Knua Sentrá ba Prátika Siénsia no Matemátika (KSP), East Timor

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang <https://www.iau.org/public/telescopecollaboration/> atau Facebook Rasmi Planetarium Negara.

TAMAT

TELESCOPES for ALL
providing telescopes to underserved communities around the world **2021**

Congratulation!
Mr Vadivelan A/L Sinnasamy
successfully selected one of the twelve telescopes offers under
TELESCOPES for ALL 2021
programme

Anjuran oleh:

BRESSER  **Universiteit Leiden**
The Netherlands

 **SSVI**
Société Scientifique de Valenciennes

 **IAU**

 **IAU**

 **NAOJ**
National Astronomical Observatory of Japan

Koordinator:

  **PUSBT STEM NEGARA**